

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mengesan berlakunya masalah malnutrisi di kalangan kanak-kanak akibat Perintah Kawalan Pergerakan kesan daripada Pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malnutrisi boleh berlaku dalam dua (2) bentuk iaitu berlebihan dan kekurangan zat makanan. **Berlebihan zat makanan akan menyebabkan masalah berlebihan berat badan** manakala **kekurangan zat makanan menyebabkan masalah kurang berat badan, bantut (iaitu keadaan di mana kanak-kanak tersebut rendah berbanding umur mereka) serta susut (iaitu berat kanak-kanak tersebut tidak sesuai dengan ketinggian).**

2. **Semua kanak-kanak berumur bawah 5 tahun** perlu hadir ke klinik kesihatan atau Klinik Kesihatan Bergerak KKM untuk diukur berat dan tinggi bagi mengetahui taraf pemakanan mereka. Perkara ini dilaksanakan mengikut rutin temu janji dengan mengamalkan norma baharu yang ditetapkan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. **Maklumat taraf pemakanan ini direkod dan dipantau melalui Sistem Maklumat Pengurusan Kesihatan.**

3. Hasil pelaporan sistem tersebut mendapati sehingga Jun 2020, terdapat **5,215 daripada 116,664 orang (4.5%)** kanak-kanak yang hadir ke klinik kesihatan KKM mengalami masalah kekurangan zat makanan dan **294 daripada 117,274 orang (0.25%)** kanak-kanak mengalami masalah berlebihan berat badan.

4. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini menyeru supaya para ibu bapa dan penjaga supaya membawa anak-anak ke klinik kesihatan kerajaan atau swasta bagi mengetahui taraf pemakanan, kesihatan dan perkembangan mereka. Anggota kesihatan di Kementerian Kesihatan sentiasa bersedia memberi nasihat dan tunjuk ajar mengenai kesihatan dan pemakanan.

Sekian, terima kasih.